

PELAJAR KUTKM BERAZAM JADI TENAGA PROFESIONAL

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 13/06/2001 | Author: / NO RI

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Kumpulan pertama pelajar-pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) berazam memanfaatkan peluang untuk menjadi tenaga profesional yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal.

Sebanyak 360 pelajar KUTKM terpilih memulakan pengajian di Institusi Pengajian Awam termuda itu yang kini beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh dekat sini.

Seorang pelajar, Engku Nor Zatunnajahh Ku Rosli, 20, berkata pengajiannya di KUTKM merupakan satu cabaran untuk lahir sebagai graduan dalam bidang teknologi maklumat.

"Sebagai mahasiswa sewajarnya azam saya untuk menjadi pelajar cemerlang seiring dengan matlamat untuk menguasai teknologi tinggi dalam industri berasaskan pengetahuan K-Ekonomi," katanya yang ditemui selepas perasmikan Minggu Suaikenal KUTKM oleh Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam di Seri Negeri, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengurus Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani.

Zatunnajahh yang berasal dari Pasir Puteh Kelantan baru menamatkan pengajian peringkat sijil di Politeknik Seberang Perai terpilih mengikuti pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) selama empat tahun.

Jessy Yep, 20, dari Klang, Selangor pula berkata beliau akan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pembangunan Perindustrian).

"Tidak sangka saya terpilih ke universiti ini yang memberi penekanan pembelajaran asas kejuruteraan dalam melaksanakan tugas," katanya.

Sebanyak 55 peratus atau 197 pelajar universiti itu adalah lelaki manakala 163 lagi pelajar perempuan yang mana lima program pengajian peringkat ijazah sarjana muda ditawarkan sebagai permulaan.

Program pengajian yang ditawarkan ialah kejuruteraan elektrik; kejuruteraan elektronik; teknologi maklumat dan komunikasi; kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan pembuatan.

Kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal, Alor Gajah seluas 291.6 ha kini dalam pembinaan fasa pertamanya yang melibatkan kos pembangunan sebanyak RM400 juta.

Fasa kedua yang dijangka dimulakan pada tahun 2004 juga melibatkan kos RM400 juta dan ia dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2010 dengan kos keseluruhan projek bernilai RM950 juta.

Apabila siap sepenuhnya, ia dijangka menawarkan sebanyak 30 kursus dan mampu menampung seramai 10,000 pelajar.

-- BERNAMA

NO RI